

Struktur Dramatik *Tangan-tangan yang Tinggal* oleh Siti Jasmina Ibrahim

Drama Structure in Tangan-tangan yang Tinggal by Siti Jasmina Ibrahim

Nik Noorafifah Binti Roziman
¹Nur Afifah Vanitha Abdullah

Pusat Kelestarian Warisan Dan Kebitaran Melayu
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence A160627@siswa.ukm.edu.my
¹nurafifah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Tangan-Tangan Yang Tinggal karya Siti Jasmina Ibrahim telah dinobatkan sebagai pemenang Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2015. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan, apakah aspek dramatik skrip Tangan - Tangan Yang Tinggal yang melayakkannya terpilih sebagai pemenang sayembara ini? Penelitian ini mengaplikasi lima daripada enam elemen Aristotle iaitu watak, plot, tema, bahasa, dan keagungan untuk menjawab persoalan kajian. Data artikel ini diperolehi daripada kaji jenis fundamental dengan reka bentuk kajian kualitatif. Dapatan kajian ini adalah, plot drama Tangan-Tangan Yang Tinggal berbentuk linear. Drama ini mengangkat tema Islamik dengan mesej iman dan ibadah yang betul dalam Islam bukan sesuatu yang boleh diwarisi secara automatik. Skrip drama Tangan-Tangan Yang Tinggal ini juga menggunakan bahasa Melayu, Arab dan simbolik seperti simile, personifikasi, bahasa melankolik serta bahasa tidak formal. Sementara itu, elemen keagungan pula terdapat set dan prop, kostum, kesan khas dan pencahayaan. Format struktur dramatik ini dapat dijadikan garis panduan bagi penulisan drama yang berstandard tinggi.

Kata kunci: kritikan drama, drama Melayu, Siti Jasmina, teori enam elemen Aristotle, Tangan-Tangan Yang Tinggal.

ABSTRACT

Siti Jasmina Ibrahim's script, Tangan-Tangan Yang Tinggal, won the 'Hadiah Sastera Perdana Malaysia' 2015 Best script award. The aim of this study is to answer; "What are the dramatic aspects of Tangan-Tangan Yang Tinggal that made this script the winner of that award?" This study applied five out of six Aristotle's elements, namely character, plot, theme, language and spectacle to obtain answer to the research question. Data for this study were obtained from a fundamental research using qualitative method. This study found that Tangan-Tangan Yang Tinggal has a linear plot. This drama has established an Islamic theme that states right faith and religion in Islam can not be automatically inherited. The language used in Tangan-Tangan Yang Tinggal are the Malay, Arabic and symbolic language with simile, personification, melancholic language as well as informal language. Meanwhile the spectacle element, can be found in the set and prop, costume, special effects and lighting. The dramatic structure of this script can be made a guideline for high standard drama writing.

Keyword: drama criticism, Malay drama, Siti Jasmina, six Aristotelian elements, Tangan-Tangan Yang Tinggal.

1. Pengenalan

Drama adalah sebahagian daripada genre sastera yang dihasilkan untuk dipentaskan (Hashim Awang, 2000). Selain itu, pelakon melakonkan aksi-aksi yang ditetapkan dan melafazkan dialog yang disediakan. Hal ini bertepatan dengan konsep drama moden yang memerlukan skrip untuk dihafal seterusnya dilafazkan dalam lakonan. Seterusnya, drama sebagai satu daripada genre kesusasteraan yang berbentuk prosa dan puisi (Sharif Shaary, 1996). Oleh itu, ianya berbeza antara novel dan cerpen, drama biasanya ditulis untuk teater, dan para pelakon mengambil alih peranan watak-watak yang memainkan aksi yang diarahkan dan melafazkan dialog iaitu skrip yang telah dihafal.

Perkataan drama berasal daripada perkataan Greek Tua "dran" yang bermaksud melakukan aksi "melakonkan" (Mana Sikana, 1989). Drama juga membawa maksud gambaran hidup manusia yang dicipta oleh pengarang melalui daya imaginasi, fantasi dan pengalaman hidupnya dalam proses sosiolisasi. Berbeza dengan genre sastera yang lain, drama dihasilkan bukan untuk dibaca, tetapi bertujuan untuk dipentaskan. Drama juga merupakan sebuah lakonan yang dilakukan oleh manusia dengan perilaku yang tertentu mengikut watak yang dibawa oleh pelakon (Mana Sikana, 2006:3).

Seterusnya, skrip drama pula adalah suatu bentuk karangan yang mengikut format khas untuk dijadikan satu bahan pengarah bagi penerbitan persembahan pandang dan dengar melalui media elektronik termasuklah animasi. Jenis skrip pula bergantung kepada corak itu sendiri. Hal ini membawa maksud sekiranya cerita itu berkisarkan kisah permasalahan masyarakat bandar atau luar bandar, maka jenis skrip itu tergolong ke dalam kategori "Drama Masyarakat" atau "Sosial". Sekiranya skrip itu berkenaan kisah pergaduhan dua kumpulan kongsi gelap tetapi lebih kepada unsur humor, maka itu dikategorikan kepada carita "Aksi Komedi". Oleh itu, skrip drama sesebuah karya bergantung kepada corak cerita yang dibawa.

Selain itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan, kelebihan dan keistimewaan skrip drama *Tangan - Tangan Yang Tinggal* sehingga menyebabkannya terpilih sebagai pemenang sayembara ini. Karya ini telah dinobatkan sebagai pemenang Hadiah Sastera Perdana Malaysia Dewan Sastera Januari-April 2015 melalui kategori B iaitu drama eceran. Justeru, tentulah karya beliau ini terdapat kelebihan dan keistimewaan sehingga layak ia dinobatkan sebagai pemenang skrip drama. Lebih-lebih lagi, Siti Jasmina Ibrahim telah bersaing bersama-sama penulis hebat seperti Roziah Adama yang menghasilkan karya *Buang*, Marzuki Ali yang menghasilkan karya "*Dalang-Dalang*", dan Rohani Md. Yusoff menghasilkan karya "*Bangsawan Tujuh Gong Sakti*". Tambahan pula, menerusi laporan panel Hadiah Sastera Perdana Malaysia Dewan Sastera dalam Jurnal Dewan Sastera (2017), panel telah menerima sebanyak 22 buah skrip yang bertanding pada tahun yang sama menerusi kategori drama eceran. Namun begitu, karya beliau lebih menyerlah dan terpilih untuk memenangi pertandingan tersebut berbanding karya-karya yang lain. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan meneliti struktur dramatik karya Siti Jasmina untuk mengetahui kekuatan karya ini sehingga ia meraih anugerah sastera yang paling berprestij di Malaysia. Sehubungan itu penelitian ini bertujuan mengupas watak, plot, tema, bahasa dan keaguman di dalam skrip drama *Tangan-Tangan Yang Tinggal* karya Siti Jasmina Ibrahim dengan menggunakan lima dari enam elemen drama Aristotle.

Kertas kerja ini mengaplikasikan enam elemen Aristotle bagi memperoleh jawapan kepada persoalan. Oleh itu, terdapat objektif yang telah disusun bagi melaksanakan kertas kerja ini iaitu untuk meneliti dan menganalisis skrip drama *Tangan-Tangan Yang Tinggal* dengan menggunakan teori 6 elemen Aristotle dari segi watak, plot, tema, bahasa dan keaguman.

2. Sorotan Kajian

Penelitian lepas tentang kajian skrip drama *Tangan-tangan yang Tinggal* (2015) masih terhad. Namun begitu, kajian lepas yang mengaplikasikan kajian teori enam elemen Aristotle bagi meneliti skrip-skrip drama pentas dan filem Melayu amat memberangsangkan. Terdapat beberapa kajian lepas merangkumi filem, drama, skrip novel dan cerpen yang mengaplikasikan teori enam elemen Aristotle.

Selain itu, dalam kajian Abdul Rahman Napiah (1987) menerangkan tentang penelitian dalam *Drama Moden Malaysia Perkembangan dan Perubahan*. Kajian yang dilakukan bertujuan untuk meneliti aspek sejarah pertumbuhan drama Malaysia di samping meninjau perkembangan dan kemajuan drama dunia. Selain itu, ia juga mengkaji aspek persoalan dan pemikiran yang terkandung dalam drama moden Malaysia yang tercetak. Di samping itu, menganalisa dan menilai aspek strukturnya, membuat tanggapan mengenai drama. Pengkaji telah menjurus kepada lima aspek utama iaitu aspek plot, tema, watak, bahasa dan kekaguman berlandaskan teori enam elemen Aristotle. Kajian ini berorientasikan kajian perpustakaan yang berteraskan kualitatif yang mengesahkan bahawa drama berasal dari negara terawal yang memiliki dasar drama ini.

Mana Sikana (2006) dalam kajian bertajuk analisa struktur “Drama *Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*”. Kajian ini menekankan konsep pembinaan struktur drama antara tiga zaman iaitu zaman Melayu Tradisional, moden dan pascamoden. Pada mulanya struktur yang penting dalam drama ialah plot, tema, watak, bahasa dan kekaguman dan muzik tetapi pada zaman moden struktur tersebut telah berubah kepada tema, plot, watak, bahasa dan latar sahaja. Terdapat persamaan dan perbezaan terhadap aspek struktural sesebuah drama dalam tiga zaman tersebut. Kajian ini bukan sahaja mengkaji unsur-unsur yang terdapat dalam drama malahan sejarah asal usul drama juga ditekankan. Kajian tersebut diguna pakai sebagai rujukan dalam menulis kajian ini.

Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Mana Sikana (1989) juga mengkaji aspek yang sama dengan kajian Sungkowati. Kajian ini yang bertajuk “Berkenalan Dengan Drama” telah mengkaji aspek-aspek struktural seperti tema, plot, watak, latar, dan bahasa dalam drama “*Anak Derhaka*” karya Ahmad Murad Nasuruddin. Pengkaji menekankan aspek tema, plot, watak, latar, bahasa tetapi aspek kekaguman dan muzik langsung tidak disentuh. Dalam konteks ini, drama tersebut dibina berdasarkan aspek-aspek tersebut sahaja. Kajian ini hanya memfokuskan kepada aspek tema, plot, watak, bahasa, dan latar dalam penganalisan pembinaan drama.

Fazilah Husin (2007) dalam kajiannya *Teater Eksperimental Melayu: Satu Kajian Bentuk dan Struktur Teks Dramatik* dan telah dilakukan pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Kajian ini untuk mengenal pasti ciri-ciri komponen yang membentuk teks-teks dramatik dan pola penstrukturnya. Sebanyak 44 buah teks yang dikategorikan sebagai drama dalam aliran eksperimental serta telah diterbitkan untuk bacaan umum telah dipilih sebagai sumber data. Kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan dan mengkategorikan data ialah analisis kandungan, data-data itu kemudian dianalisis dengan menggunakan pendekatan struktural. Hasil kajian mendapati teks-teks dramatik teater eksperimental Melayu yang dihasilkan dalam dua dekad ini, telah menggunakan pelbagai gaya dan pendekatan dalam menyusun dan mengolah aspek dramatik dan naratif. Gaya pendekatan yang dapat dikenal pasti termasuklah penerapan elemen seni persembahan Melayu, gabungan bentuk dan gaya bahasa moden serta tradisional dan pengaruh aliran teater eksperimental.

Menurut Ramli@Sahari Isin bertajuk “Cerpen Melayu Mutakhir: Analisis Pemikiran dan Teknik Naratif, 1999. Dalam makalah ini telah meneliti beberapa cerpen Melayu sepanjang dekad 1970-an hingga 1990-an. Penelitian ini berhasil menemui pemikiran-

pemikiran dari segi tema dan persoalan yang digarap dalam cerpen-cerpen yang dikaji. Adalah jelas di sini bahawa pada pandangan, cerita dalam karya sastera dapat menjelmakan pemikiran yang ingin disampaikan oleh seseorang penulis. Cerpen-cerpen Melayu yang dikaji memang mengandungi pemikiran, dan menurutnya menjadi manifestasi kemajuan sastera Melayu. Tambahan menggunakan teori pengkaedahan Melayu.

Zahir Ahmad (1997) melalui tesis peringkat Doktor Falsafah yang bertajuk *Riwayat Kelantan: Analisis Teks, Interteks dan Konteks* telah menggunakan pendekatan interteks untuk membandingkan perlakuan-perlakuan watak utama yang terdapat dalam *Riwayat Kelantan* (RK), *Hikayat Merong Mahawangsa* (HMM), *Sejarah Melayu* (SM) dan *Hikayat Raja Raja Pasai* (HRP) daripada sudut adab. Didapati daripada perbandingan kelima-lima watak ini dirumuskan bahawa watak yang berpegang kepada ajaran agama Islam sahaja maka kerajaan yang diperintahnya akan kekal dan aman. Selain itu, teks RK, HMM, SM dan HRP merupakan teks-teks beradab kerana mampu memberikan didikan dan panduan kepada pembaca. Melalui kajian ini, pengkaji akan menggunakan teori intertekstualiti sebagai alat untuk menganalisis teks dan tiga genre novel dewasa dipilih sebagai kajian.

Mohd Pozi Hj Mansurori (2004) melalui tesis di peringkat Ijazah Doktor Falsafah yang bertajuk *Hikayat Syah Kobat: Analisis Struktur dan Intertekstualiti* meneliti kehadiran teks-teks lain dalam Hikayat Syah Kobat. Justeru penerapan prinsip-prinsip yang terkandung dalam teori intertekstualiti telah mendasari kajian yang dilakukan oleh Mohd Pozi. Teks-teks lain itu merupakan teks yang lahir lebih awal daripada teks yang dibaca seolah-olah menjadi acuan bagi penciptaan karya yang muda itu. Hasil kajian mendapati *Hikayat Syah Kobat* yang asalnya sebagai teks yang sukar difahami tetapi setelah ditelaah dari sudut intertekstualitinya mendapati hikayat ini menjadi hikayat kreatif dan mendapat tempat di hati penggemar teks klasik. Hal ini kerana menerusi teori intertekstualiti pengkaji sememangnya berlaku hubungan rapat antara hikayat ini dengan hikayat-hikayat lain. Selain itu, dapatan kajian ini mendapati teks ini mempunyai pengetahuan mengenai struktur dan gaya bahasa yang sekali gus menambahkan lagi kematangan berbahasa dan pengetahuan dalam kalangan peneliti. Kajian ini mengaplikasikan teori intertekstualiti.

3. Metodologi

Kajian berbentuk fundamental dirangka untuk mencari jawapan kepada persoalan kajian. Pengumpulan data dilaksanakan melalui kaedah kajian perpustakaan dan cenderung kepada analisis kandungan. Dalam mendapatkan data kajian ini digunakan pelbagai bahan akademik di pelbagai Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Institut Tamadun dan Alam Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi Selangor. Kajian perpustakaan ini terdiri daripada mencari, memilih, dan membaca bahan-bahan yang berkaitan dengan topik kajian khususnya terhadap skrip Drama *Tangan-tangan yang Tinggal*. Contohnya, bahan yang dicari adalah biografi Siti Jasmina Binti Ibrahim. Tujuan mencari biografi beliau adalah bagi mengetahui lebih lanjut mengenai latar belakang beliau. Seterusnya, mencari bahan mengenai unsur instrinsik yang terdiri dari tema, tokoh atau penokohan, alur cerita, latar, gaya bahasa, dan keaguman yang terdapat dalam skrip Drama *Tangan-tangan yang Tinggal*.

Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data adalah menggunakan kaedah analisis kandungan melalui kajian bercetak digital seperti berbentuk buku, jurnal, majalah, makalah dan tesis tentang pelbagai ilmu dan maklumat yang diperlukan bagi memenuhi kehendak kajian ini. Selain itu, kajian ilmiah yang dihasilkan oleh para pengkaji terdahulu turut ditelaah bagi mendapatkan maklumat yang berhubung kait dengan topik ini. Kajian yang diberi fokus utama adalah mengenai kajian terhadap skrip drama.

Selain itu, teori enam elemen Aristotle juga diaplikasikan dan dijadikan sebagai landasan bagi mendapatkan analisis sekali gus menjawab persoalan objektif kertas kerja ini.

Bagi tujuan menganalisis enam elemen Aristotle ini agar sesuai dengan objektif dan permasalahan dalam kertas kerja ini, maka kerangka teori yang bersesuaian diperlukan sebagai panduan dalam melaksanakan penyelidikan ini. Dari sudut sejarah enam elemen Aristotle drama ini adalah salah satu perkembangan sastera dan teater Barat. Pada zaman Yunani Kuno, poetik menurut Aristotle ialah sumber awal dramatik. Ia dibuat atas analisa seni mengarang atau komposisi atas epik, tragedi, komedi pada karya yang dihasilkan. Fungsi 6 elemen teori Aristotle ialah beliau mementingkan struktur dramatik. Bagi Aristotle, salah satu elemen dramatik adalah pemikiran (merupakan elemen terpenting dari tragedi) tetapi elemen itu harus berhubungan dengan argumen-argumen dan gagasan-gagasan umum yang disajikan oleh watak-watak dalam tindakan mereka. Selain itu, Aristotle lebih mementingkan pengetahuan yang didapati dari deria, dan lebih sesuai dikelaskan di kalangan ahli empirisme moden.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Dapatan 1

Dapatan pertama dalam kertas kerja ini ialah meneliti tema dengan plot, bahasa dan keaguman dalam skrip drama *Tangan-Tangan Yang Tinggal*.

4.1.1 Tema

Mengikut Aristotle dalam analisisnya mengenai drama, tema merupakan salah satu elemen penting yang ditekankan di dalam sebuah skrip drama. Tema membawa maksud pemikiran, persoalan atau mesej.

a. Tema Meneguhkan dan Mempertahankan Warkah Pemuda

Skrip *Tangan-tangan yang Tinggal* memperlihatkan tema meneguhkan dan mempertahankan “WAKAF PEMUDA”. Contoh dapat dilihat dalam skrip di bawah;

WARIS: *“Tangan ini dijadikan bukan untuk bertindak dengan kemarahan. Tangan kita ini seharusnya faham peranannya untuk memuliakan segala yang datang pada kita atau apa yang kita cari. Bukan macam ini caranya!”*

(Siti Jasmina Ibrahim: 67)

Berdasarkan petikan skrip di atas, watak Waris menggambarkan beliau seorang yang sanggup bertindak di luar jangkaan walaupun terpaksa menggunakan kekerasan demi mempertahankan “Wakaf Pemuda”. Oleh itu, kita perlu memiliki semangat berani dan mempunyai kemahiran dalam bidang pertempuran supaya dapat berjuang bermati-matian serta tidak mudah gentar dan menyerah kalah kepada musuh untuk mempertahankan sesuatu yang berharga atau bernilai.

b. Tema Keinsafan

Tema yang terdapat dalam skrip *Tangan-tangan yang Tinggal* ialah “tema keinsafan”. Setiap insan pasti melakukan kesilapan dalam kehidupan dan setiap insan berpeluang untuk memperbaiki kesilapannya pada masa lalu. Contoh skrip *Tangan-tangan yang Tinggal* dapat dilihat dalam petikan di bawah;

IBU SUFIAH: *“Kita bukan mampu hidup jutaan tahun, kan? Untuk yang seketika ini, kenapa perlu membazirkan diri yang sudah sempurna dijadikan oleh Allah? Kamu lelaki yang bijak. Akal dan hati harus bersatu belajar menilai baik dan buruk tentang sesuatu perkara. Tanya dalam hati dan fikir kamu,*

adakah selama ini arwah abah kamu menyampaikan ajaran yang salah?”

(SALI terdiam tunduk. IBU SUFIAH perlahan-lahan menghampiri SALI dan mengambil pedang dari tangan SALI. SALI tersentak dan menghala pedang ke arah IBU SUFIAH. IBU SUFIAH tersentak seketika kerana terkejut dengan tindakan SALI. Tangan SALI terketar-ketar dengan sendirinya, tangannya semakin ketar di luar kawalan. Dia takut, hendak menangis tetapi dikawalinya. Sehingga akhirnya dia dengan sendiri menghulurkan pedang kepada IBU SUFIAH.

(Siti Jasmina Ibrahim: 73)

Berdasarkan petikan skrip di atas, watak IBU SUFIAH menggambarkan beliau seorang ibu yang prihatin dan memberi nasihat dari sudut positif sehingga timbul keinsafan dalam diri SALI yang sanggup memberikannya pedang. Menasihati seseorang amat berguna dalam kehidupan. Ia merupakan salah satu alat yang dapat mendidik dan membina masyarakat ke arah yang lebih baik. Nasihat yang dilaksanakan sememangnya bertujuan untuk memperbaiki kesilapan agar dapat membuat perubahan dari sesuatu yang buruk kepada sesuatu yang baik. Oleh itu, sesuatu nasihat yang ingin diberikan kepada seseorang hendaklah menggunakan perkataan yang baik dengan menapis dahulu kata-kata yang ingin digunakan agar dapat diterima oleh orang yang dinasihati itu.

c. Tema Berpegang Teguh kepada Ajaran Islam

Selain itu, “tema berpegang teguh kepada ajaran Islam” juga terdapat dalam skrip *Tangan-Tangan Yang Tinggal*. Agama adalah pegangan yang harus ada dalam diri setiap manusia. Tanpa pegangan agama, maka akan goyahlah kehidupan manusia. Peranan agama yang paling dominan adalah ia dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan manusia. Pegangan agama juga boleh membentuk keperibadian seseorang dari segi pertuturan, perilaku dan gaya hidup seseorang. Contoh skrip drama *Tangan-Tangan Yang Tinggal* dapat dilihat melalui petikan di bawah;

WAN LEH: “*Dia bagi aku minum air yang membuatkan lidah aku keras menyebut kalimah Allah! Tapi aku lawan. Aku lawan dalam hati. Hati aku tak berhenti menyebut Allahuakbar! Allahuakbar!*” (suaranya keras dan kuat).

(Siti Jasmina Ibrahim: 68)

Berdasarkan petikan skrip di atas, watak WAN LEH menggambarkan beliau seorang yang berpegang teguh kepada ajaran agama walaupun ia diseksa dan di dera oleh penjahat. Pegangan agama yang kukuh ini merupakan sumber kekuatan Wan Leh. Oleh itu, seseorang yang mempunyai agama yang kukuh mampu mengatasi anasir-anasir yang jahat. Semua Agama apa pun di dunia adalah sebagai identiti seseorang sebagai umat yang beragama dan tidak atheisme (Tidak beragama).

4.1.2 Plot

Bagi Aristotle, plot merupakan penggerak utama sesebuah skrip drama dan skrip itu harus dibina melalui tiga kesatuan iaitu aksi, tempat dan masa. *Setting* atau tempat kejadian cerita sering pula disebut latar cerita, yang menggambarkan tentang waktu, tempat, dan suasana terjadinya sebuah cerita.

Skrip Drama *Tangan-tangan yang Tinggal* memperlihatkan kepada plot jenis tidak kronologi. Plot tidak kronologi bermaksud peristiwa yang dipaparkan dalam cerita tidak berurutan. Plot ini juga dimulakan dengan permulaan, tetapi perkembangan peristiwa dalam

cerita disusun secara melompat hingga ke puncak cerita seterusnya kepada peleraian cerita. Plot yang konsisten dengan cerita atau tidak melompat-lompat akan lebih mudah difahami oleh pembaca daripada plot yang melompat-lompat.

Babak yang pertama dimulai dengan watak Waris iaitu seorang yang berusia 24 tahun dan berasal dari Kuala Lumpur. Anak golongan berada tetapi tidak suka melayan budaya mewah, sebaliknya bercampur dengan budak nakal, dan lakukan jenayah kecil serta pernah terlibat pergaduhan kecil namun mendapat bimbingan dari Ustaz Haji al-Rashid dan menjadi pemuda WAKAF PEMUDA. Ia dimulai dengan Waris yang kelihatan murung berbaju Melayu berkain pelekat atau berseluar panjang seperti baru selesai solat. Hal ini demikian kerana kematian Ustaz Haji al-Rashid secara mengejut. Contohnya dapat dilihat menerusi petikan di bawah;

WARIS: *“Kau tak fikir ke? Ustaz Haji al-Rashid meninggal dunia tiba-tiba. Malam tadi kita baru jumpa dia. Berborak sampai pukul 1 pagi, kan? Tahu-tahu, abang Mansor beritahu pagi ini, ustaz meninggal dunia pukul 1. Apa tu? Kan kita masih dengan dia.”*

(Siti Jasmina Ibrahim: 66)

Seterusnya, babak ini juga menceritakan bahawa Waris telah difitnah atas punca kematian Ustaz Haji al-Rashid yang meninggal secara tiba-tiba setelah berborak dengannya. Contohnya, dapat dilihat menerusi petikan di bawah;

RAOF: *“Pasal semalam. Kau orang terakhir jumpa arwah. Betul?”*

WARIS: *“Bukan saya saja. Wan Leh pun sama.”*

RAOF: *“Sali kata, kau sorang. Wan Leh tak ada pun.”*

(Siti Jasmina Ibrahim: 66)

Seterusnya dalam babak ini juga dimainkan oleh watak Sali yang memainkan peranan sebagai anak tunggal kepada Ustaz Haji al-Rashid iaitu seorang yang terpesong agama dan berdendam dengan Waris sehingga memaksa Wan Leh bersumpah didepan orang ramai bahawa dia tidak bersama dengan Waris ketika berborak dengan Ustaz pada malam tersebut. Contohnya, dapat dilihat menerusi Skrip *Tangan-tangan yang Tinggal* di bawah;

SALI: *“Kau bersumpah dengan semua, yang kau tidak ada malam tu. Kau tak bersama-sama Waris tapi kau tahu Waris jumpa abah aku.”*

(Siti Jasmina Ibrahim: 70)

Selain itu, dalam babak ini juga dimainkan oleh watak Wan Leh iaitu seorang yang berusia 28 tahun dan merupakan sahabat Wakaf Pemuda. Ia bersifat berani sekiranya ada Waris tetapi mudah takut jikalau tiada kawan. Namun, berlaku peristiwa misteri kepada Wan Leh yang hilang secara tiba-tiba tanpa ada sebarang khabar berita. Contohnya, dapat dilihat menerusi Skrip *Tangan-tangan yang Tinggal* di bawah;

WAN AISYAH: *“Caria bang Wan. Abang tahu dia ke mana? Semua orang kata abang Wan ke utara, tapi Aishah tak percaya. Kain baju dia ada di dalam almari. Beg baju pun ada. Lima hari dia dah tak balik. Bang, Aisyah percaya abang Wan keluar pun dari kampung. Dia ada sini. Dia tak boleh balik. Dia nak balik tapi tak boleh balik.”*

(Siti Jasmina Ibrahim: 64-65)

Seterusnya, babak kedua dimainkan oleh watak IBU SUFIAH iaitu memainkan peranan sebagai ibu tiri kepada Sali. Ibu Sufiah tidak dapat menentang dan melawan Sali yang semakin terpesong dengan ajaran sesat sehingga tercipta sebuah kumpulan ajaran-ajaran sesat. Dia juga tidak terdaya untuk menolong Wan Aisyah yang kena tangkap oleh sekumpulan ajaran sesat Sali. Contoh dapat dilihat menerusi skrip *Tangan-Tangan Yang Tinggal* di bawah;

IBU SUFIAH: *"Ibu tahu. Tak terdaya untuk ibu menentang dia sorang diri. Kuasanya semakin kuat, pengikutnya semakin bertambah. Ibu kemari pun, di luar pengetahuan mereka. Ibu tak boleh lama, hanya datang mahu memastikan kamu selamat. Ibu pergi dulu."*

WAN AISYAH: *"Jangan tinggalkan Aisyah. Tolonglah bawa Aisyah keluar dari sini. Aisyah nak cari abang Wan. Tolonglah, Ibu Sufiah!"*

(Siti Jasmina Ibrahim: 66)

Seterusnya dalam babak ini juga memainkan watak Wan Leh yang telah berjaya melarikan diri daripada sekumpulan Sali. Namun, Wan Leh telah mengalami luka dan berdarah. Contoh dapat dilihat dalam skrip *Tangan-tangan yang Tinggal* di bawah;

WAN LEH: *"Aku dapat lari. Sali dengan lelaki jubah merah tangkap aku. Seksa aku suruh aku berhenti menyebut kalimah Allah. Berhenti mengakui adanya Allah SWT."*

(Siti Jasmina Ibrahim: 67)

Selain itu, babak ini juga memaparkan watak Mansor iaitu WAKAF PEMUDA paling lama dan ia akan ada dengan sesiapa yang dapat memberi keuntungan kepadanya. Rententan peristiwa ini, Mansor ingin melepaskan Wan Aisyah tetapi dia ingin menanyakan satu soalan sebelum ia bebaskan. Namun, Wan Aisyah memujuk untuk melepaskannya dulu dan Mansor akur sehingga Wan Aisyah ingin melarikan diri tetapi tidak berjaya kerana dihalang oleh Mansor. Mansor begitu bengang dengan sikap Wan Aisyah yang melarikan diri serta menolak pinangan dia dulu. Contoh dapat dilihat menerusi skrip di bawah;

Mansor: *"Kejap. Sebelum aku buka ikatan kau, satu soalan aku nak tanya, tapi kali ini aku bersedia. Kenapa kau tolak pinangan aku dulu? Sali pun pernah nak kau, tetap kau tak bagi jawapan. Kau sangka perempuan suci murni sangat? Jawablah aku tanya!"*

(Siti Jasmina Ibrahim: 69)

Di samping itu, watak Ibu Sufiah juga memainkan peranan dalam babak ini yang memukul kepala Mansor menggunakan kayu demi menyelamatkan Wan Aisyah. Ibu sufiah mengesali atas tindakannya yang tidak menyelamatkan Wan Aisyah terlebih dahulu. Dalam kejadian ini juga disusuli watak Raof dan Aman yang menyusuli ke tempat tersebut untuk menyelamatkan Ibu Sufiah dan Wan Aisyah. Contohnya dapat dilihat menerusi skrip dibawah;

IBU SUFIAH membuka pintu hitam dan terus meluru menggunakan kayu memukul Mansor dengan sekuat hati. Mansor terkejut. Ibu Sufiah memukul sekali lagi lalu Mansor pangsan!

(Siti Jasmina Ibrahim: 79)

Seterusnya babak ketiga dalam skrip Drama *Tangan-Tangan Yang Tinggal* memainkan watak Waris iaitu watak utama yang berlawan dengan Sali kerana Sali sudah kelihatan waras tetapi

sudah terlalu jauh hanyut dengan ajaran sesat. Namun, Sali tetap berdegil dan melawan Waris habis-habisan sehingga ia terpaksa berundur ketika melihat Aman, Raof dan Anjang datang. Contohnya dapat dilihat menerusi skrip di bawah;

(SALI menumbuk WARIS lagi, tetapi kali ini AMAN, RAOF dan ANJANG tiba menghampiri SALI dan WARIS. RAOF dan ANJANG menyerang KORUS sehingga terlepas WARIS dari genggaman. SALI berundur, melarikan diri terus masuk ke dalam pintu hitam. KORUS tumpas).

(Siti Jasmina Ibrahim: 72)

Di samping itu, dalam babak ini juga memainkan watak Ibu Sufiah yang menasihati Sali supaya kembali kepada jalan yang betul. Contohnya dapat dilihat dalam skrip di bawah;

IBU SUFIAH: *“Kita bukan mampu hidup jutaan tahun, kan? Untuk yang seketika ini, kenapa perlu membazirkan diri yang sudah sempurna dijadikan oleh Allah? Kamu lelaki yang bijak. Akal dan hati harus bersatu belajar menilai baik dan buruk tentang sesuatu perkara. Tanya dalam hati dan fikir kamu, adakah selama ini arwah abah kamu menyampaikan ajaran yang salah?”*

(SALI terdiam tunduk. IBU SUFIAH perlahan-lahan menghampiri SALI dan mengambil pedang dari tangan SALI. SALI tersentak dan menghala pedang ke arah IBU SUFIAH. IBU SUFIAH tersentak seketika kerana terkejut dengan tindakan SALI. Tangan SALI terketar-ketar dengan sendirinya, tangannya semakin ketar di luar kawalan. Dia takut, hendak menangis tetapi dikawalinya. Sehingga akhirnya dia dengan sendiri menghulurkan pedang kepada IBU SUFIAH.

(Siti Jasmina Ibrahim: 73)

Akhirnya, babak ini diakhiri dengan watak Sali yang sedar akan kesilapan dan kesalahannya dan ia bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah ini. Contoh dapat dilihat menerusi Skrip *Tangan-tangan yang Tinggal*;

SALI: *“Waris! Aku yang jadikan semua ini biar aku hentikan! Aman! Terus dengan jalan yang benar! Maafkan aku semua!”*.

(Siti Jasmina Ibrahim: 73)

4.1.3 Bahasa

Menurut Aristotle, asas sebuah drama ialah perkataan, bahasa atau dialog. Drama terbina melalui dialog dan aksi yang dibawa oleh watak yang dipaparkan dalam skrip. Oleh itu, bahasa amat penting kerana ia merupakan salah satu asas perkataan atau dianggap sebagai elemen yang cukup penting di dalam sebuah skrip drama.

4.1.4 Simile

Simile turut dikenal sebagai perumpamaan yang merujuk kepada perbandingan dua hal yang pada hakikatnya berlainan, tetapi dianggap sama. Perbandingan tersebut adalah secara eksplisit dijelaskan dengan penggunaan kata perbandingan “seperti”, “serupa”, “bak”, “laksana”, “umpama”, “ibarat”, “macam”, dan bagai (Henry, 1985). Menurut Nik Hassan Basri, 2005, menyatakan bahawa gaya bahasa simile ini merupakan perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan sesuatu perbandingan atau sesuatu perkara yang dianggap sama. Oleh itu, simile ini mengandungi dua bahagian iaitu subjek utama dan bahan bandingan untuk membentuk ungkapan perbandingan. Kebiasaannya, bahan bandingan yang digunakan dalam ungkapan gaya bahasa simile mengandungi imej iaitu kata atau ungkapan yang membentuk

sesuatu perkara yang boleh ditanggap oleh deria (Md. Sidin & Mohd. Saleeh, 1998). Simile ini dapat dilihat melalui dialog skrip drama *Tangan-tangan yang Tinggal* karya Siti Jasmina Ibrahim:

KORUS: Kemahuan laksana bola bara
memulakan api

(Siti Jasmina Ibrahim: 66)

Dialog di atas membawa maksud keinginan seseorang terhadap sesuatu sehingga sanggup melakukan apa sahaja. Penggunaan simile ini dibawa oleh watak Sali. Sikap ini patut dicontohi kerana individu yang sanggup melakukan apa-apa sahaja akan mendapat kedudukan yang lebih baik dalam kerja atau sesuatu yang lain. Oleh itu, sikap seseorang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapat apa yang diinginkannya, pasti akan memperoleh yang terbaik di dalam hidupnya.

4.1.5 *Personifikasi*

Menurut Kamus Dewan, 2005, personifikasi adalah pemberian sifat-sifat manusia kepada benda tak bernyawa atau sesuatu yang abstrak dan lain-lain untuk mendapatkan kesan sastra atau seni. Menurut kajian Lakoff dan Johnson pernah menerangkan persamaan dan perbezaan antara personifikasi dengan metafora (Lakoff & Johnson, 1980), "*Personification is a general category that covers a very wide range of metaphors*". Mereka berpendapat personifikasi adalah lanjutan daripada metafora ontologi dan membolehkan kita mentafsirkan maknanya berdasarkan fenomena dunia manusia, iaitu sesuatu ungkapan yang boleh kita faham berasaskan motivasi, matlamat, tindakan dan tingkah laku manusia.

Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2005, personifikasi ialah penginsanan atau pemberian sifat-sifat manusia kepada sesuatu benda, haiwan, tumbuh-tumbuhan, keadaan, peristiwa, barang yang tidak bernyawa atau idea yang abstrak. Yang berikut adalah antara contoh personifikasi yang digunakan dalam skrip drama *Tangan-tangan yang Tinggal* karya Siti Jasmina Ibrahim;

ANJANG: "*Nak jadi batang pisang pacak yang menjadi benteng lawan todak lagi, ke? Tak belajar daripada kias kebodohan yang dulu? Apa kau orang ni?*".

(Siti Jasmina Ibrahim: 67)

Dialog di atas membawa maksud bahawa seseorang yang berani dalam melawan musuh. Memiliki kekuatan dan tangkas berlawan adalah satu peranan penting dalam melawan musuh. Hal ini amat penting dari sudut melindungi atau mempertahankan keselamatan.

4.1.6 *Sinkope*

Sinkof membawa maksud kepada perkataan yang telah disingkatkan. Menurut, Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, sinkop iaitu pengguguran huruf sisipan atau suku kata sisip bagi perkataan atau dengan menghilangkan huruf tengah atau suku kata tengah bagi perkataan. Contohnya ialah baharu-baru, dahulu-dulu, sahaja-saja, sahaya-saya, tidak-tak, tahu-tau, dan juga-jua. Yang berikut adalah antara contoh sinkof yang digunakan dalam skrip drama *Tangan-tangan yang Tinggal* karya Siti Jasmina Ibrahim;

WARIS: "*Kau tak fikir ke? Ustaz Haji al-Rashid meninggal dunia tiba-tiba. Malam tadi kita baru jumpa dia. Berborak sampai pukul 1 pagi, kan? Tahu-tahu, abang Mansor datang beritahu pagi ni, ustaz meninggal dunia pukul 1. Apa tu? Kan kita masih dengan dia.*"

(Siti Jasmina Ibrahim: 66)

4.1.7 *Kekaguman*

Satu elemen yang menggabungkan nilai artistik dalam suatu persembahan. Unsurnya dapat dilihat melalui set, pencahayaan, kostum, dan kesan khas seperti bunyi muzik yang diwujudkan bagi menimbulkan kesan yang lebih dramatik dalam cerita. Menurut Aristotle yang banyak memperkatakan tentang kualiti seni visual dalam persembahan telah mengkategorikan aspek visual dalam seni persembahan skrip ini sebagai “kekaguman”.

4.1.8 Lampu

Secara umum lampu berfungsi untuk membentuk situasi, menyinari gerak laku dan mempertajamkan ekspresi demi penciptaan karakter pelaku. Lampu pentas yang memproduksi sinar pentas, seharusnya lampu yang menghasilkan sinar untuk mengubah gambaran peristiwa yang satu ke peristiwa lain. Adegan nyata ke adegan impian atau adegan masa silam. Oleh itu, penggunaan lampu dapat dilihat melalui skrip drama *Tangan-Tangan Yang Tinggal* karya Siti Jasmina Ibrahim di bawah;

(Lampu padam).

(Lampu fokus ke arah hadapan pintu putih. WARIS sedang resah ke hulu dan ke hilir. MASNOR, RAOF dan AMAN ada bersama-sama. MANSOR membawa keluar sebuah beg dan di dalamnya, ada parang dan segala senjata!

(Siti Jasmina Ibrahim: 66-67)

4.1.9 Kostum

Kostum mempunyai pelbagai maksud tersendiri. Kostum merupakan sesuatu pakaian yang berasal dari sesebuah negara tertentu mengikut zaman atau masa, yang boleh dipakai mengikut kesesuaian sesuatu acara yang ingin dilakukan. Oleh itu, kostum dapat dilihat melalui skrip drama *Tangan-tangan yang Tinggal* karya Siti Jasmina Ibrahim di bawah;

(Lampu padam dan serentak terang di lorong. WAN AISYAH sedang berdiri menghadap arah kubah. WAN AISYAH berbaju kurung, berselendang. WAN AISYAH seperti bertakafur, berdoa dalam hati. WARIS muncul dari arah hadapan tepi pentas. WARIS jalan hala lorong dan nampak WAN AISYAH yang membelakanginya).

(Siti Jasmina Ibrahim :64)

Berdasarkan petikan tersebut jelaslah menggambarkan watak Wan Aisyah yang memakai memakai pakaian yang *berstyle* seperti baju kurung dan selendang. Oleh itu, pakaian yang dikenakan oleh seseorang itu untuk kelihatan lebih cantik, muda dan sebagainya atau ia juga boleh jadi sebaliknya berdasarkan pemilihan seseorang itu.

4.2 Dapatan 2

Dapatan dalam kertas kerja ini telah menganalisis watak yang terdapat dalam skrip drama *Tangan-Tangan Yang Tinggal* karya Siti Jasmina Ibrahim. Watak dalam skrip ini memaparkan watak protagonis dan antagonis.

4.2.1 Watak Protagonis

Watak protagonis ialah watak baik atau watak putih dan berpegang pada kebenaran. Watak ini yang menjadi tumpuan perkembangan cerita. Watak ini juga memainkan peranan penting dari awal hingga akhir cerita. Watak protagonis yang dipaparkan menerusi skrip *Drama Tangan-Tangan Yang Tinggal* ialah watak Waris. Waris atau Waris Dato Hj Sulaiman yang berusia 24 tahun berasal dari Kuala Lumpur. Anak golongan berada tetapi tidak suka melayan budaya mewah, sebaliknya bercampur dengan budak nakal, dan lakukan jenayah kecil serta pernah terlibat dalam pergaduhan. Seorang yang bijak dan mempunyai hati yang baik

sebenarnya. Ia mudah memahami dan mempunyai kenalan ramai dari luar negara melalui pengaruh Blog, Twitter, Facebook yang aktif. Apabila dimbing oleh orang Ustaz Haji al-Rashid, dia menerima hidayah dan tinggal di kampung serta menjadi WAKAF PEMUDA dan menjadi anak muda kepercayaan ustaz. Misi besar dalam menyampaikan perihal yang benar tentang agama kerana dia kenal ramai yang sudah hilang punca. Ia juga seorang yang tangkas bersilat dengan bergurukan Ustaz Haji al-Rashid.

a. *Seorang yang Bertegur-sapa*

Sifat amalan bertegur sapa sesama manusia adalah satu titik permulaan terjalinnya hubungan yang erat dan mesra dalam kalangan masyarakat. Kelompok manusia yang suka bertanya khabar dengan masyarakat sekeliling boleh mewujudkan silaturrahim yang amat baik. Menerusi amalan bertegur sapa, hubungan boleh menjadi lebih erat dan apabila mereka saling bertukar-tukar pandangan serta dapat berkongsi pengalaman mereka sesama sendiri. Contohnya dapat dilihat watak Waris yang menegur Ibu Sufiah menerusi *skrip Tangan-tangan yang Tinggal* di bawah;

WARIS: “Assalamualaikum... Ibu Sufiah buat apa di sini?”

IBU SUFIAH: “Walaikumsalam. Ibu cari Sali. Ada nampak dia?”.

(Siti Jasmina Ibrahim: 67)

Berdasarkan petikan tersebut amalan bertegur sapa perlu dilakukan dilakukan oleh setiap individu dan ia menjadi syarat utama dalam membentuk hubungan akrab serta selesa hidup dalam berkomuniti. Oleh itu, kita sebagai manusia hendaklah mengamalkan sikap amalan bertegur sapa supaya dapat mengeratkan serta menghidupkan lagi semangat kejiwaan sesama umat tanpa mengira kaum dan bangsa.

b. *Seorang yang Memiliki Sifat Sederhana*

Semua agama menyeru penganutnya mengamalkan nilai kesederhanaan dalam hidup kerana pemikiran, pertuturan dan perlakuan yang sederhana dapat menjamin keperibadian yang mulia dalam masyarakat. Ciri-ciri kesederhanaan yang terdapat dalam pelbagai agama ialah pertuturan melalui bercakap dengan sopan, tidak menyinggung perasaan orang lain serta perlakuan dalam merancang perbelanjaan supaya tidak boros, berbelanja mengikut kemampuan, berpakaian sesuai dengan adat dan norma masyarakat. Contoh yang dapat dilihat menerusi skrip *Drama Tangan-tangan yang Tinggal* di bawah;

Anak golongan berada tetapi tidak suka melayan budaya mewah, sebaliknya bercampur dengan budak nakal, dan lakukan jenayah kecil serta pernah terlibat dalam pergaduhan.

(Siti Jasmina Ibrahim: 64)

Berdasarkan petikan tersebut dengan memiliki sifat sederhana dalam kehidupan untuk melahirkan individu yang sentiasa mengamalkan sikap berjimat cermat terutama ketika berbelanja serta dapat memupuk sifat menabung untuk masa depan. Oleh itu, sikap memiliki sifat sederhana amat penting dalam pembentukan jati diri seseorang.

c. *Seorang yang Bertanggungjawab dalam Mempertahankan Agama*

Agama adalah pegangan yang harus ada dalam diri setiap manusia. Tanpa pegangan agama, maka akan goyahlah kehidupan manusia. Peranan agama yang paling dominan adalah ia dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan manusia. Pegangan agama juga boleh menjadi asas kepada ketamadunan dan acuan kepada latar budaya masyarakat. Contoh yang dapat dilihat menerusi skrip *Drama Tangan-tangan yang Tinggal* di bawah;

WARIS: “Ini sudah tahap perlu bang! Maruah kita, agama kita! Mereka dah sesatkan ramai orang dengan ajarannya.

*Saya balik Kuala Lumpur selalu tu, abang ingat saya buat apa?
Abang tahu dulu saya sentiasa dipanggil arwah ustaz jumpa
dia, apa dimintanya?''.*

(Siti Jasmina Ibrahim: 68)

Berdasarkan petikan tersebut dengan memiliki sifat bertanggungjawab dalam mempertahankan agama amat penting kerana agama memainkan peranan yang amat vital dalam kehidupan manusia dan seterusnya dalam pembinaan tamadun.

d. Seorang yang Berfikiran Rasional

Manusia sentiasa berfikir selagi anugerah otak yang dianugerahkan oleh Allah SWT ini masih dapat berfungsi sebaik mungkin. Berfikir dari banyak sudut perlu dilakukan secara rasional dan tidak sekali-kali membuat keputusan dalam emosi yang stabil seperti dalam keadaan marah, sedih, atau juga mungkin bersikap untuk kepentingan diri dan peribadi. Kita harus mengambil keputusan yang sewajar semasa membuat sesuatu keputusan. Semasa membuat sesuatu keputusan yang sewajar, kita perlu berfikiran jauh kerana sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna. Contoh yang dapat dilihat menerusi skrip *Drama Tangan-tangan yang Tinggal* dapat dilihat di bawah;

(WARIS tersedar yang tindakannya salah, lalu dia turunkan tangan yang memegang parang. WARIS tunduk tenang tetapi tiba-tiba kompang bertingkah kuat, meluru KORUS berjubah merah bertopeng mengelilingi mereka tetapi jarak yang jauh. Serentak itu juga SALI berdiri dan menghunuskan pedang ke arah WARIS tetapi WARIS sempat mengelak dan SALI menolak sekuat hati sehingga SALI terjatuh dari bongkah!)

(Siti Jasmina Ibrahim: 71)

Berdasarkan petikan tersebut, dengan berfikiran secara rasional dapat menangani satu-satu permasalahan yang timbul agar ianya tidak menjadi semakin marak. Oleh itu, dalam situasi yang rumit, cara berfikir memainkan peranan yang amat penting dari pelbagai sudut.

4.2.3 Watak Antagonis

Antagonis merupakan watak atau sekumpulan watak, atau, kadang-kala merupakan institusi suatu kejadian yang mewakili pembangkang menentang hujah-hujah pihak protagonis (dalam maksud lain antagonis adalah watak hitam). Dalam gaya klasik sesebuah cerita di mana aksinya terdiri daripada seorang wira menentang seorang penjahat, kedua-dua mereka boleh diambil kira masing-masing sebagai protagonis dan antagonis. Berlawanan dengan kepercayaan masyarakat, para antagonis tidak semestinya bersifat jahat, tetapi hanya menentang si watak utama. Pendek kata, watak antagonis merupakan watak jahat atau watak hitam yang menjadi penentang terhadap nilai hidup watak protagonis. Watak antagonis yang dipaparkan menerusi skrip *Drama Tangan-Tangan Yang Tinggal* ialah watak Sali atau Ahmad Sali Syafie Haji Al-Rashid yang berusia 28 tahun iaitu merupakan anak tunggal Ustza Haji al-Rashid.

a. Seorang yang Terpesong Agama

Masyarakat Islam sedang mengalami perubahan sosial yang hebat, hasil dari perubahan persekitaran. Perubahan sosial ini perlu dinilai oleh orang Islam menurut kaca mata syariah dengan meletakkan keredaan Allah sebagai paksinya. Mana-mana perubahan yang bertentangan dengan Islam sebagai terpesong agama. Masyarakat Islam sudah banyak berubah dalam pelbagai aspek seperti sikap, pemikiran, gaya hidup, ekonomi, akhlak, seni dan budaya. Bertitik tolak dari sini, gaya hidup masyarakat lebih terdedah kepada aktiviti

sosial sedangkan nilai-nilai murni semakin tertutup. Contoh yang dapat dilihat menerusi skrip *Drama Tangan-tangan yang Tinggal* di bawah;

Agak bertentangan dengan ajaran Islam kerana baginya banyak mengongkong kehidupan manusia. Dia selalu salah faham dengan ayahnya. Dia keluar berkelana lama di luar negara dan semasa di sana, dia telah dilatih, dipengaruhi dengan fahaman yang mahukan dia jauh dari ajaran Islam.

(Siti Jasmina Ibrahim: 64)

Berdasarkan petikan di atas menggambarkan bahawa Sali terpesong sejak tinggal di luar negara sehingga mengatakan bahawa Islam banyak mengongkong kehidupan manusia. Oleh itu, seseorang perlu memiliki agama yang kukuh supaya dapat berfikir mana yang baik dan buruk. Pembentukan akhlak amat penting kerana ia mempunyai kaitan rapat dengan iman. Sungguhpun fitrah semula jadi manusia adalah baik, ada ketikanya manusia mempunyai keinginan yang melencong dari kebaikan. Akhirnya dalam mengejar kemajuan kebendaan, manusia mengorbankan keluhuran akhlak dan rohani.

b. *Seorang yang Bersifat Tidak Suka Dipandang Rendah*

Setiap manusia memiliki kelebihan dan kekurangan masing-masing. Namun kita tetap tidak boleh menganggap diri kita 100% sempurna. Sekali sekala harus mendengar pendapat orang lain tentang personaliti kita dan menerimanya dengan fikiran terbuka. Contoh yang dapat dilihat menerusi skrip *Drama Tangan-tangan yang Tinggal* di bawah;

SALI: “*Apa abang Aman nak perkecilkan saya pula? Saya anak tunggal Ustaz Haji al-Rashid! Guru agama terkenal! Saya lebih rapat dengan dia berbanding dengan sesiapa. Saya darah daging dia!*”

(Siti Jasmina Ibrahim: 67)

Berdasarkan petikan di atas menunjukkan bahawa Sali tidak suka dibandingkan dengan orang lain. Sebagai manusia, kita hendaklah menerima pendapat orang lain supaya kelemahan diri dapat dibaiki. Sifat seseorang yang bersifat tidak suka dipandang rendah tidak boleh dicontohi.

c. *Seorang yang Bersifat Tamak*

Sifat tamak iaitu ingin memiliki sesuatu tanpa batasan atau sikap haloba yang tak pernah rasa cukup dengan kekayaan boleh menjerumuskan manusia ke lembah kehancuran. Sifat ini tidak terbatas dalam mencari harta dan juga untuk mendapatkan kuasa. Semuanya menjurus ke arah nafsu kebendaan. Peribahasa Melayu ada mengatakan; “Orang tamak selalu rugi”. Dalam kehidupan dunia moden sifat tamak, haloba dan bakhil mempengaruhi gaya hidup yang hanya mementingkan kebendaan dan kekayaan. Sifat ini sewajarnya dijauhi dari menjadi penyakit dalam masyarakat yang boleh menjadi tabiat buruk. Contoh dapat dilihat menerusi skrip *Drama Tangan-tangan yang Tinggal* di bawah;

SALI: “*Saya nak ada sini! Wakaf Pemuda ini pun abah saya yang punya! Dia bagi kau orang guna, tapi tetap ini hak dia, maknanya hak saya! Hak saya ada sini!*”

(Siti Jasmina Ibrahim: 67)

Berdasarkan petikan di atas menunjukkan bahawa Sali gila kuasa dan menginginkan Wakaf Pemuda dengan mengatakan miliknya. Oleh itu, Disebabkan sifat tamak ini sesuatu perolehan yang tidak mencukupi menyebabkan seseorang sanggup membuat kerja-kerja yang hina.

d. Seorang yang Bersifat Kurang Ajar terhadap Ibunya

Ibubapa adalah warisan zuriat yang membawa kepada lahirnya kita ke dunia dan sebab itu agama Islam meletakkan ibu bapa di tempat yang tinggi dalam hubungan kekeluargaan. Berbuat baik atau taat kepada dua ibu bapa bermaksud menghormati dan melakukan pekerjaan yang disukai mereka dan pekerjaan yang dilakukan itu janganlah bersalahan dengan kehendak yang disuruh Allah SWT. Melakukan pekerjaan yang disukai kedua ibu bapa memang menjadi tanggungjawab besar bagi seseorang anak. Besarnya jasa ibu dan ayah memang tidak dapat dinilai sama sekali. Oleh itu, sebagai seorang anak, kita tidak boleh bertutur kasar hingga menyebabkan mereka teguris hati apa yang dikatakan oleh kita. Paling dominan ialah menggunakan bahasa yang lembut dan jangan melawan ketika berbicara. Contoh dapat dilihat menerusi skrip *Drama Tangan-tangan yang Tinggal* di bawah ialah;

SALI: “Wah. Pakar Kesusasteraan Eropah, sekarang mahu menjadi pakar agama? Setahun jagung baru, sudah ibu mahu berhujah ilmu firasat, makrifatullah? Ibu bukan Ustaz Haji al-Rashid?”

(Siti Jasmina Ibrahim: 69)

Berdasarkan petikan di atas menggambarkan bahawa Sali memperlekehkan dan bercakap tidak sopan dengan ibunya. Oleh itu, sebagai anak diwajibkan menghormati dan berbuat baik kepada kedua ibu bapanya bukan saja ketika mereka masih hidup, malah selepas mereka meninggal dunia pun, amalan baik dan penghormatan itu wajib dikekalkan oleh anak-anaknya.

5. Rumusan

Kajian ini adalah berdasarkan kepada teks drama *Tangan-tangan yang Tinggal* karya Siti Jasmina Ibrahim. Penggunaan watak, tema, plot, bahasa dan kekaguman amat penting di dalam sesebuah karya bagi menginterpretasikan karya yang bermutu tinggi dan bagus. Oleh itu, penggunaan watak, tema, plot, bahasa dan kekaguman mampu menimbulkan kesan kepada pembaca tentang sesuatu karya. Namun, kertas kerja ini juga akan memperlihatkan kesan dan teknik penulisan yang terbaik. Selain daripada mesej, pengarang juga memaparkan bahawa skrip ini adalah sebuah naskhah drama yang sarat dengan simbol. Oleh itu, penulis secara halus dan bijak menjalinkan mesej melalui perwatakan, dialog, lagu dan aspek artistik seperti set, audio dan pencahayaan. Dapatan kajian ini telah menjawab objektif kajian sebagaimana yang telah disarankan di dalam kajian untuk meneliti dan menganalisis skrip drama *Tangan-tangan yang Tinggal*. Secara lebih khusus, kajian ini berasaskan kepada objektif-objektif seperti membincangkan latar belakang penulis dan sinopsis, menganalisis watak antagonis, protagonis dan mengenal pasti tema dengan plot, bahasa dan kekaguman dalam skrip drama *Tangan-tangan yang Tinggal*.

Rujukan

- Abdul Rahman Napiah. (1987). *Di sekitar pemikiran Melayu moden*. Latihan Ilmiah. Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Rahman Napiah. (1987). *Drama Moden Malaysia: perkembangan dan perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arnott, P.D. (1965). *An introduction to the Greek theatre*. New York: St. Martins Press.

- Asmah Haji Omar.(1978). *Peranan bahasa dengan rujukan khusus kepada perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berthold, M. (1972). *A History of world theatre*. New York: Federick Company.
- Blunt, Jerry. (1996). *The Composite Act of acting*, London: Collier MacMillan.
- Darwis Harahap. (1980). “*Skrip menentukan buruk baik dramanya*”, Berita Harian, 3 Ogos.
- Maafruf Mahmood. (2000). *Anak Din Biola*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Madzlan Abet. (2016). *Pemikiran Hatta Azad Khan Dalam Teks Drama Muzikal Kampung Baru*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mana Sikana. (1985). *Mendekati Drama*. Petaling Jaya: Penerbit Sarjana.
- Mana Sikana. (1995). *Drama Melayu Moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Mana Sikana. (2006). *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Nazri Ahmad. (1992). *Teori Pementasan Drama*. Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Ramli Rahman. (1992). *Absurdisme dalam drama Melayu: Analisis Karya-karya Empat Penulis Kontemporari*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nik Hassan Basri Hj. Nik Ab. Kadir. (2003). *Teori bahasa: Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zakiah Muda. (1983). *Teknik Pementasan Drama Melayu*. Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.